

PULAU INDAH MEMIKAT HATI

15 SEP 1971
PULAU PANGKOR
yang menjadi kebanggaan Negeri Perak sejak zaman dulu adalah sa-buah pusat pelanchongan yang ideal bagi negara ini.

K e i n d a h a n - n y a yang asli serta dengan sejarah latar belakang-nya — Perjanjian Pangkor Tahun 1874 — dulu membuatkan pulau ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri untuk memikat para pelanchong dari mana rata tempat.

Terletak hanya 35 minit perjalanan dengan motobot dari Pekan Lumut daerah Dinding, Pulau Pangkor sejak kebelakangan ini sering menjadi sebutan dalam ranjangangan Kerajaan apabila di-kaitkan dengan usaha hendak memajukan pelanchongan.

Sebutan

Pulau ini bukan sahaja mempunyai pemandangan yang indah tetapi juga mempunyai beberapa perkara yang boleh menarik orang ka-sana.

Keindahan yang diserikan dengan pantai-nya yang putih bersih serta pohon2 nyior yang rendang di-lingkungi pula oleh lautan Selat Melaka yang kebiruan sungguh memikat hati siapa yang menjelajah pulau ini.

Tujuh buah daerah terdapat di-pulau ini ia itu: Pulau Pangkor Laut, Pasir Bogak, Sungai Pinang, Telok Belanga, Telok Nipah, Telok Dalam dan Emerald Bay.

Pasir Bogak boleh dikatakan sa-bagai pantai yang paling indah di-Malaysia mengadap Selat Me-

Pangkor akan jadi pusat pelanchongan antarabangsa

Oleh ZAINUDDIN BENDAHARA

15 SEP 1971

laka, baik sekali untuk berenang, menyelam, bermotobot dan bermain ski di atas ayer.

Di-sini sa-lain daripada tempat orang ramai berhenti atau berkelah kita juga boleh melihat kaum nelayan menangkap ikan. Di-Telok Belanga terdapat hotel2 berhawa dingin bertaraf antarabangsa serta rumah2 chalet bagi orang2 yang hendak menginap di-situ.

Hotel2 tersebut dibangunkan oleh sharikat tempatan yang juga menyediakan perkhidmatan2 feri dari Lumut.

Berenang

Emerald Bay pulu terkenal dengan ayer-nya yang hijau, terletak di-sabelah timor Pulau Pangkor Laut dan boleh di-lalui dengan bot2 dari Pasir Bogak.

Di-Telok Gadong kita boleh melihat sa-buah kota lama binaan Belanda dan di-sabelah-nya pulu di-dapat sa-buah batu yang di-penohi dengan ukiran2 oleh askar2 Belanda pada abad ke-18.

Keindahan2 yang semula jadi di-pulau ini telah lama di-sedari oleh

Kerajaan, terutama Kerajaan Negeri Perak dan berbagai langkah tertentu bagi menjadikan ia benar2 sa-bagai pusat pelanchongan telah dan sedang di-jalankan sekarang.

Membalik lapangan terbang Sitiawan ada-lah antara beberapa buah projek yang akan di-laksanakan oleh Kerajaan Perak bagi menarek ramai pelanchong2 ka-pulau ini.

Lapangan terbang ini yang terletak 60 batu merupakan lapangan terbang yang terdekat se-kali dengan pulau tersebut.

Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk membina sa-mula jembatan Sultan Idris Shah II di-Bota yang di-hanyutkan banjir tahun 1967.

Ini ada-lah bertujuan mendekatkan lagi perjalanan ka-pulau itu melalui Lumut.

Kerajaan juga akan mengadakan perkhidmatan impot perchuma untuk beberapa jenis barang tertentu seperti minuman keras, rokok dan tembakau untuk hotel2 yang bertaraf antarabangsa di-pulau itu.

15 SEP 1971

Keluaran khas menyambut hari keputeraan D.Y.M.M. Sultan Perak

Menarek

Pulau Pangkor sekarang telah pun mempunyai hotel2 yang bertaraf antarabangsa di-Pantai Puteri Dewi dan perkhidmatan impot perchuma itu di-jangka akan menggalakkan lebih banyak lagi pembinaan hotel2 seperti itu di-sana.

Sharikat ini bertujuan menjadikan Pulau Pangkor Laut sa-bagai kawasan pusat pelanchong yang moden dan lengkap berchorak antarabangsa.

Putus pelanchongan itu yang terletak dalam kawasan yang kurang sedikit dari dua batu persegi dari pulau yang luas-nya lima batu persegi itu, juga bertujuan menarek pelanchong2 asing dengan empat buah rumah atas pokok berbumbong dan berdinding kulit kayu dan atap lengkap dengan tangga2 bertali.

Putus pelanchongan ini juga akan mempunyai hotel lima tingkat dengan 500 bilik, dua buah kasino, pantai penyu, kelab jutawan2, marina, sa-buah pelabuhan untuk 75 buah sekochi, kolam2 renang, panggong2 tidak berbumbong untuk pertunjukan2 kebudayaan, kedai2, sa-buah padang golf, sa-buah rumah "ketenangan" sebagai simbol kebebasan berugama di - Malaysia, sa-buah taman Jepun, taman rusa dan gedong burong.

15 SEP 1971